

6

Prestasi Sektor Swasta

Tinjauan Keseluruhan

Dalam tahun 1996, pertumbuhan pendapatan sektor swasta dijangka terus menggalakkan disebabkan pertumbuhan ekonomi yang terus kukuh, sungguhpun peningkatannya adalah lebih perlahan. Sebagaimana tahun-tahun lepas, peningkatan pendapatan sektor swasta dijangka terus didorong oleh sumber-sumber dari dalam dan luar negeri. Jumlah pendapatan daripada jualan dalam negeri dijangka berkembang dengan sederhana dalam tahun 1996 selaras dengan pertumbuhan penggunaan dan pelaburan sektor swasta yang perlahan, terutamanya yang berkait dengan projek-projek yang diusahakan oleh sektor awam. Penggunaan sektor swasta dijangka menjadi perlahan dalam tahun 1996 berikutan dengan kadar faedah yang tinggi dan selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan tabungan. Dalam tahun 1996, pertumbuhan pendapatan dari sektor eksport dijangka lebih perlahan disebabkan oleh peningkatan eksport perkilangan yang perlahan serta kelembapan harga-harga barangan utama di pasaran antarabangsa.

Pendapatan Sektor Swasta

Jumlah pendapatan sektor swasta dijangka meningkat sebanyak 17.7% kepada RM174.7 bilion dalam tahun 1996, selepas mencatatkan peningkatan sebanyak 20.3% pada tahun 1995. Ini adalah selaras dengan pengembangan asas sektor korporat, bilangan gunatenaga yang lebih ramai serta kenaikan kadar upah berbanding dengan peningkatan sederhana hasil korporat. Mengikut **Penyiasatan Jangkaan Perniagaan (PJP)** yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan, jumlah hasil bagi 220 syarikat perniagaan dijangka meningkat dengan sederhana pada kadar 10.7% dalam tahun 1996, berbanding dengan peningkatan sebanyak 19.5% pada tahun 1995. Ini adalah

selaras dengan perkembangan yang lebih sederhana bagi keseluruhan kegiatan-kegiatan ekonomi, meningkatnya persaingan serta harga komoditi yang lembap. Semua sektor-sektor ekonomi utama, kecuali pertanian, perlombongan dan hotel, dijangka terus mencatatkan peningkatan hasil kasar (sila lihat Jadual 6.1).

Sektor perkilangan, yang merangkumi lebih setengah daripada jumlah hasil, dijangka menunjukkan peningkatan hasil yang perlahan sebanyak 8.1% dalam tahun 1996 daripada 23.6% pada tahun 1995 (sila lihat Jadual 6.2). Prestasi peningkatan hasil yang lebih perlahan berpunca daripada jangkaan pertumbuhan kedua-dua pengeluaran dan jualan yang sederhana bagi beberapa sektor kecil perkilangan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, jumlah pengeluaran perkilangan meningkat sebanyak 13.1% (Januari-Julai 1995: 14.7%), sementara jumlah jualan meningkat sebanyak 14.8% (Januari-Julai 1995: 26.1%). Pertumbuhan eksport perkilangan juga berkurangan pada kadar 14.9% (Januari-Julai 1995: 21.0%). Sungguhpun demikian, hampir kesemua industri berorientasikan pasaran eksport dan dalam negeri dijangka mencatatkan prestasi pertumbuhan hasil yang menggalakkan, sungguhpun pada kadar yang perlahan sedikit. Beberapa sektor kecil perkilangan yang dijangka menunjukkan pertumbuhan dua angka dalam hasil termasuklah industri tekstil dan pakaian, keluaran galian bukan logam, kelengkapan pengangkutan, kimia dan keluaran kimia, dan industri berasaskan kayu.

Jumlah hasil bagi industri berorientasikan pasaran eksport, seperti elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian, serta keluaran-keluaran kayu dan getah, dijangka meningkat sebanyak 5.5% dalam tahun 1996, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 32.3% pada tahun 1995. Pertumbuhan perlahan ini disebabkan oleh peningkatan ketara dalam jualan tekstil dan pakaian yang meningkat sebanyak 33.4% (1995: 26.6%)

Jadual 6.1
Hasil Kasar Mengikut Sektor¹

Sektor	Nilai (RM juta)		Perubahan Tahunan (%)	
	1995	1996 ²	1995	1996 ²
Pertanian	4,065	3,813	24.5	-6.2
Getah	372	321	37.8	-13.7
Kelapa Sawit	2,822	2,637	26.3	-6.6
Pembalakan	871	855	14.3	-1.8
Perlombongan ²	362	348	9.7	-3.9
Perkilangan	79,665	86,113	23.6	8.1
Pembinaan	2,981	3,792	28.1	27.2
Perkhidmatan	68,355	78,063	14.6	14.2
Perdagangan borong dan runcit	37,945	41,615	21.1	9.7
Hotel	436	432	6.3	-0.9
Bank dan institusi-institusi keuangan	15,047	19,810	8.4	31.7
Insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	5,611	6,100	-0.8	8.7
Pengangkutan	9,316	10,106	11.0	8.5
JUMLAH	155,428	172,129	19.5	10.7

¹ Berdasarkan pelbagai terbitan Penyiasatan Jangkaan Perniagaan (PJP) yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan sebanyak dua kali setahun ke atas 220 syarikat perniagaan besar.

² Tidak termasuk petroleum dan gas.

³ Ramalan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

serta permintaan luar negeri yang lebih sederhana terhadap keluaran berasaskan kayu sebanyak 13.1% (1995: 90.0%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, eksport tekstil dan pakaian (termasuk kasut) meningkat sebanyak 11.0% (Januari-Julai 1995: 8.0%) berikutan dengan peningkatan permintaan daripada Jepun, Hong Kong dan Jerman. Pertambahan ketara pendapatan eksport keluaran kayu (16.9%) dalam tempoh tersebut adalah disebabkan oleh kenaikan

permintaan luar negeri, khususnya terhadap perabot kayu bagi kegunaan pejabat dan rumah. Sungguhpun demikian, pertumbuhan hasil bagi industri keluaran elektrik dan elektronik dijangka berkurangan dengan ketara daripada 32.0% pada tahun 1995 kepada hanya 3.8% dalam tahun 1996. Ini berikutan dengan pengurangan permintaan luar negeri terhadap barangan elektronik dalam tempoh separuh pertama tahun 1996 berpunca daripada paras stok yang terlalu tinggi di pasaran dunia semenjak akhir tahun 1995. Keadaan ini jelas dicerminkan oleh pertumbuhan yang sederhana sebanyak 17.0% dalam eksport keluaran elektrik dan elektronik dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996. Begitu juga, industri keluaran getah dijangka mencatatkan kejatuhan hasil sebanyak 4.5% dalam tahun 1996 selepas mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 31.5% pada tahun 1995. Ini terutamanya disebabkan oleh halangan kapasiti pengeluaran akibat daripada peningkatan permintaan luar negeri yang begitu ketara khususnya terhadap sarung tangan getah, tayar dan keluaran berkaitan beberapa tahun yang lalu.

Secara keseluruhannya, industri-industri berorientasikan pasaran dalam negeri dijangka terus mencatatkan pertumbuhan dua angka sungguhpun pada kadar lebih perlahan sebanyak 10.4% berbanding dengan 16.7% pada tahun 1995. Ini adalah selaras dengan peningkatan yang perlahan pengeluaran sektor perkilangan daripada 14.5% pada tahun 1995 kepada 12.8% dalam tahun 1996. Ini sebahagiannya dicerminkan oleh pengurangan kadar pertumbuhan hasil industri besi dan keluli kepada 3.2% selepas berkembang pesat sebanyak 34.9% pada tahun 1995, disebabkan oleh kekangan keupayaan pengeluaran. Pertumbuhan hasil bagi keupayaan industri kelengkapan pengangkutan dijangka lebih sederhana pada kadar 20.5% (1995: 36.7%), selaras dengan peningkatan keupayaan pengeluaran bagi pemasangan kereta-kereta penumpang dan kenderaan perdagangan serta pengeluaran komponen-komponen kenderaan dan aksesori. Begitu juga, hasil bagi industri-industri keluaran kaca dan plastik dijangka meningkat dengan sederhana pada kadar 7.5% dalam tahun 1996 (1995: 14.9%) disebabkan oleh peningkatan permintaan dalam negeri yang sederhana. Sungguhpun loji penapisan petroleum di Melaka ditutup sementara selama dua minggu dalam bulan Mac 1996, hasil industri penapisan petroleum dijangka akan meningkat sebanyak 8.0% (1995: 7.9%). Sebaliknya, terdapat juga industri-industri

Jadual 6.2

Hasil Kasar Sektor Perkilangan¹

Industri	Nilai (RM juta)		Perubahan Tahunan (%)	
	1995	1996 ²	1995	1996 ²
Industri Berorientasikan Pasaran Eksport	37,593	39,669	32.3	5.5
Keluaran elektrik dan elektronik	32,353	33,589	32.0	3.8
Tekstil dan pakaian	2,515	3,356	26.6	33.4
Keluaran kayu, kecuali perabot	686	776	90.0	13.1
Keluaran getah	2,039	1,948	31.5	-4.5
Industri Berorientasikan Pasaran Dalam Negeri	42,070	46,444	16.7	10.4
Makanan, minuman dan tembakau	13,352	11,915	21.4	-10.8
Keluaran kertas dan percetakan	660	616	45.7	-6.7
Kimia dan keluaran kimia	7,247	10,367	1.1	43.1
Penapisan petroleum	4,541	4,905	7.9	8.0
Keluaran plastik dan kaca	401	431	14.9	7.5
Keluaran galian bukan logam	1,268	1,713	12.1	35.1
Besi dan keluli	2,038	2,103	34.9	3.2
Keluaran logam yang direka	1,529	1,476	-4.4	-3.5
Jentera, tidak termasuk elektrik	3,334	3,637	11.0	9.1
Kelengkapan pengangkutan	7,700	9,281	36.7	20.5
JUMLAH	79,663	86,113	23.6	8.1

¹ Berasaskan PJP.

² Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

yang dijangka mencatatkan pertumbuhan ketara dalam hasil kasar. Contohnya, pertumbuhan hasil bagi industri galian bukan logam dijangka meningkat dengan pesat sebanyak 35.1% dalam tahun 1996 (1995: 12.1%) disebabkan oleh pengembangan kapasiti pengeluaran yang berpunca daripada kekurangan bekalan tempatan terhadap simen dan keluaran berkaitan bagi memenuhi permintaan yang terus kukuh. Penyumbang kepada pertumbuhan kukuh hasil industri galian bukan logam ialah pertambahan ketara 71.4% dalam jualan simen dan keluaran konkrit dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 16.4%). Pertumbuhan ketara hasil industri kimia dan keluaran berkaitan sebanyak 43.1% dalam tahun 1996 (1995: 1.1%) disebabkan terutamanya oleh permintaan yang kukuh terhadap cat dan gas kegunaan perindustrian dan pengembangan keupayaan pengeluaran.

Industri makanan dan industri keluaran kertas dan percetakan dijangka mengalami pengurangan hasil masing-masing sebanyak 10.8% dan 6.7% dalam tahun 1996 selepas mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 21.4% dan 45.7% pada tahun 1995. Kemerosotan hasil kasar bagi keluaran makanan, termasuk minuman dan tembakau, sebahagiannya disebabkan oleh jangkaan peningkatan pengeluaran industri makanan tempatan yang rendah dalam tahun 1996 disebabkan keupayaan pengeluaran yang terhad. Begitu juga, prestasi hasil yang tidak menggalakkan bagi industri keluaran kertas dan percetakan adalah berpunca daripada pertambahan pesanan jualan yang rendah dan kekangan keupayaan pengeluaran. Hasil bagi industri keluaran logam yang direka juga dijangka merosot sebanyak 3.5% (1995: -4.4%) disebabkan permintaan yang lembap.

Pertumbuhan hasil bagi **sektor pembinaan** dijangka terus kukuh pada kadar 27.2% dalam tahun 1996, berbanding dengan 28.1% pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan hasil yang kukuh mencerminkan jualan yang laris bagi unit-unit kediaman dan hartanah bukan kediaman semenjak tahun 1995 serta hasil yang diperolehi daripada pembinaan projek-projek infrastruktur. Begitu juga, bilangan dan nilai urus niaga hartanah yang baru dan sedia ada terus meningkat masing-masing pada kadar 10.7% dan 31.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996. Jumlah pinjaman yang disediakan oleh sistem perbankan kepada sektor perumahan, termasuk pinjaman cagaran, terus meningkat pada kadar 7.7% pada akhir Julai 1996 (akhir Julai 1995: 7.8%).

Hasil bagi keseluruhan **sektor perkhidmatan** dijangka terus kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 14.2% dalam tahun 1996 (1995: 14.6%). Ini adalah berikutan dengan pendapatan yang kukuh bagi sektor kecil sistem perbankan dan institusi kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan serta pengangkutan. Pertumbuhan hasil bagi sektor kecil sistem perbankan dan institusi kewangan dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 31.7% (1995: 8.4%) disebabkan oleh peningkatan pemberian kredit yang kukuh. Bagi industri insurans, pertumbuhan hasil sektor ini dijangka dapat dikekalkan dalam tahun 1996. Maklumat awal menunjukkan pendapatan premium industri berkenaan meningkat sebanyak 19.0% kepada RM4,176.7 juta dalam tempoh separuh pertama tahun 1996 berbanding dengan peningkatan sebanyak 20.4% pada tempoh yang sama tahun 1995. Pada tempoh yang sama, jumlah premium insurans am meningkat sebanyak 18.2% kepada RM2,554.3 juta berbanding dengan 14.0% pada tempoh yang sama tahun 1995. Namun begitu, industri insurans nyawa dijangka mencatatkan pertumbuhan perniagaan yang perlahan dalam tahun 1996 disebabkan oleh perubahan yang berlaku dalam industri berikutan dengan pelaksanaan Garis Panduan Mengenai Kos Pengurusan Perniagaan Insurans Nyawa oleh Bank Negara. Premium tahunan terkumpul insurans nyawa meningkat sebanyak 20.1% kepada RM4,771.9 juta pada akhir Jun 1996 (akhir Jun 1995: 23.8%). Pertumbuhan hasil bagi sektor kecil pengangkutan dijangka meningkat dengan sederhana sebanyak 8.5% dalam tahun 1996 (1995: 11.0%), disebabkan oleh peningkatan yang perlahan terutamanya dalam jumlah pengangkutan kargo. Begitu juga, perdagangan borong dan runcit dijangka mencatatkan pertumbuhan hasil yang perlahan sebanyak 9.7% selepas meningkat dengan ketara sebanyak 21.1% pada tahun 1995. Ini mencerminkan kesan daripada langkah-langkah yang baru diambil bagi menggalakkan tabungan dan mengurangkan pengembangan berlebihan kredit bagi tujuan tidak produktif serta disebabkan peningkatan pendapatan bolehguna yang lebih perlahan.

Sektor perlombongan (tidak termasuk petroleum dan gas) dijangka mencatatkan pertumbuhan hasil yang lebih perlahan sebanyak 3.9% dalam tahun 1996 (1995: 9.7%). Ini terutamanya disebabkan kekangan keupayaan

pengeluaran, sungguhpun harga masih kukuh, seperti dalam kes timah. Contohnya, jumlah pengeluaran timah dijangka terus merosot sebanyak 1.6% dalam tahun 1996 (1995: -0.9%) akibat daripada sumber timah yang semakin susut.

Sektor pertanian dijangka mengalami prestasi yang tidak menggalakkan dengan hasil kasar dijangka berkurangan sebanyak 6.2% dalam tahun 1996, berbanding dengan pertumbuhan ketara sebanyak 24.5% pada tahun 1995. Prestasi hasil yang tidak menggalakkan dalam sektor pertanian disebabkan oleh pengeluaran yang rendah dan penurunan harga beberapa komoditi utama, termasuk getah, kelapa sawit dan kayu balak. Pengeluaran getah dijangka terus berkurangan sebanyak 1.7% dalam tahun 1996 (1995: -1.1%), manakala kelapa sawit berkurangan sebanyak 2.9% (1995: 8.2%). Ini mengakibatkan hasil kasar industri getah dijangka berkurangan sebanyak 13.7% dalam tahun 1996 (1995: 37.8%) disebabkan nilai seunit eksport getah dianggarkan jatuh daripada 398.6 sen sekilogram pada tahun 1995 kepada 386.2 sen sekilogram dalam tahun 1996. Begitu juga, dengan harga kelapa sawit yang dijangka jatuh kepada RM1,185 setan dalam tahun 1996 (1995: RM1,527 setan), sektor kecil kelapa sawit dijangka mencatatkan kemerosotan hasil sebanyak 6.6% dalam tahun 1996, berbanding dengan kenaikan ketara sebanyak 26.3% pada tahun 1995. Bagi industri pembalakan, hasilnya dijangka berkurangan sebanyak 1.8% disebabkan kedua-dua pengeluaran dan jumlah eksport kayu balak dijangka jatuh masing-masing sebanyak 1.9% dan 9.6%. Jumlah pengeluaran dan eksport kayu bergergaji pula dijangka berkurangan dengan sederhana masing-masing sebanyak 5.3% dan 15.0%.

Perbelanjaan Penggunaan Swasta


Perbelanjaan **penggunaan swasta** dijangka meningkat dengan lebih perlahan pada kadar 10.6% kepada RM115.7 bilion dalam tahun 1996, berbanding dengan peningkatan sebanyak 13.1% atau RM104.7 bilion pada tahun 1995. Selepas mengambil kira kenaikan harga, perbelanjaan penggunaan swasta sebenar dijangka meningkat sebanyak 6.7% dalam tahun 1996 (1995: 9.4%). Pertambahan perbelanjaan penggunaan swasta yang sederhana sebahagiannya dicerminkan oleh peningkatan pendapatan bolehguna yang perlahan, kesan lat langkah-langkah kewangan yang

diperkenalkan dalam bulan Oktober 1995 untuk mengawal kredit yang berlebihan bagi pembelian kereta penumpang dan sektor hartanah, kadar faedah semasa yang tinggi dan peraturan-peraturan yang lebih ketat yang dikenakan ke atas pinjaman sewa beli dan kad kredit. Pelancaran Amanah Saham Wawasan 2020 pada akhir bulan Ogos 1996 juga dijangka dapat mengurangkan jumlah perbelanjaan penggunaan.

Pertumbuhan penggunaan swasta yang perlahan disebabkan terutamanya oleh kadar peningkatan dalam pembelian **barangan pengguna tahan lama** yang lebih perlahan. Akibatnya, jualan peti sejuk kegunaan isi rumah merosot sebanyak 15.0% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 berbanding dengan peningkatan ketara sebanyak 15.4% dalam tempoh yang sama tahun 1995 (sila lihat Carta 6.1). Dalam tempoh yang sama, kadar pertumbuhan jualan televisyen berkurangan dengan begitu ketara pada kadar 1.7% (Januari-Julai 1995: 75.4%). Pertumbuhan jualan kereta penumpang juga berkurangan kepada 12.3% selepas mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 59.2% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Ini mengakibatkan bilangan pendaftaran baru kereta penumpang dengan Jabatan Pengangkutan Jalan meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 5.3% kepada 144,554 dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 53.9%). Begitu juga, kadar pertumbuhan import kereta penumpang belum dipasang berkurangan kepada 6.5% berbanding dengan peningkatan ketara sebanyak 82.1% dalam tempoh yang sama tahun 1995. Peningkatan yang perlahan dalam pembelian kereta penumpang sebahagiannya mencerminkan syarat-syarat pinjaman sewa beli yang lebih ketat yang dikenakan oleh sistem perbankan.

Pertumbuhan penggunaan swasta bagi **barangan bukan tahan lama** meningkat lebih pesat dalam tahun 1996. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, jualan makanan meningkat sebanyak 11.2% (Januari-Julai 1995: 10.4%), manakala import makanan meningkat pada kadar 20.4% (Januari-Julai 1995: 11.8%). Dalam tempoh tersebut, jualan tembakau dan minuman juga menunjukkan peningkatan sebanyak 18.4% (Januari-Julai 1995: 5.1%). Namun begitu, kedudukan penggunaan swasta bagi **barangan separuh tahan lama** adalah bercampur-campur sebagaimana yang dicerminkan oleh import dan jualan barangan tersebut. Dalam tempoh tujuh

Carta 6.1
Petunjuk-Petunjuk Penggunaan Swasta ^{1/}



^{1/} Data bagi 1996 meliputi tempoh Januari-Julai

^{2/} Merujuk kepada jumlah yang dikeluarkan oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan pada akhir tahun, kecuali tahun 1996 bagi akhir bulan Julai.

^{3/} Merujuk kepada skel kanan.

^{4/} Merujuk kepada skel kiri.

bulan pertama tahun 1996, import pakaian meningkat sebanyak 3.0% (Januari-Julai 1995: 8.0%), manakala import kasut meningkat 22.7% (Januari-Julai 1995: 30.9%). Import bahan pewangi dan kelengkapan dandanan diri meningkat dengan perlahan pada kadar 4.8% (Januari-Julai 1995: 16.8%). Namun demikian, jualan sabun dan persediaan pencucian meningkat dengan lebih tinggi sebanyak 15.7% (Januari-Julai 1995: 7.0%).

Dalam tahun 1996, permintaan swasta terhadap **perkhidmatan** dijangka terus meningkat walaupun pada kadar yang agak perlahan. Bagi perkhidmatan pengangkutan awam, bilangan penumpang yang menggunakan Keretapi Tanah Melayu Berhad meningkat sebanyak 11.7%, manakala pendaftaran baru bas oleh Jabatan Pengangkutan Jalan meningkat sebanyak 15.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan pertambahan sebanyak 1.5% dan 24.0% pada tempoh yang sama tahun 1995. Bagi perkhidmatan komunikasi, permintaan terhadap perkhidmatannya yang dijangka lebih perlahan dalam tahun 1996, seperti dicerminkan oleh peningkatan bilangan

pengguna telefon di kalangan isirumah sebanyak 10.0% kepada 221,869 pelanggan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: 15.4%). Begitu juga, permintaan terhadap elektrik oleh sektor industri dijangka meningkat sebanyak 10.0%, dan permintaan oleh sektor kediaman meningkat sebanyak 6.8% dalam tahun 1996, berbanding dengan masing-masing sebanyak 9.6% dan 14.0% yang dicatatkan pada tahun 1995.

Perbelanjaan Modal

Dalam tahun 1996, pelaburan swasta dijangka berkembang secara sederhana kepada satu tahap yang lebih mampan berbanding dengan pertumbuhan ketara bagi tempoh 1994-95. Dari segi nilai semasa, jumlah pelaburan swasta dijangka meningkat sebanyak 9.9% kepada RM73.2 bilion berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 28.9% yang dicatatkan pada tahun 1995. Jangkaan pelaburan swasta yang sederhana terutamanya disebabkan oleh pelaburan yang rendah dalam kegiatan hiliran bagi sektor petroleum

Jadual 6.3
Perbelanjaan Modal Mengikut Jenis¹


<i>Kategori Perbelanjaan</i>	<i>Nilai (RM juta)</i>		<i>Sumbangan (%)</i>		<i>Perubahan Tahunan (%)</i>	
	<i>1995</i>	<i>1996^r</i>	<i>1995</i>	<i>1996^r</i>	<i>1995</i>	<i>1996^r</i>
Bangunan-bangunan baru dan struktur lain	1,448	2,360	11.4	20.3	-11.3	63.0
Jentera dan kelengkapan baru	5,901	6,066	46.4	52.2	16.3	2.8
Kelengkapan pengangkutan baru	4,916	2,295	38.6	19.7	62.8	-53.3
Perbelanjaan lain	460	911	3.6	7.8	70.4	98.0
JUMLAH	12,725	11,632	100.0	100.0	27.3	-8.6

¹ Berasaskan PJP

^r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 6.2
Petunjuk-Petunjuk Pelaburan Swasta ^{1/}



1/ Data bagi 1996 meliputi tempoh Januari-Julai.

2/ Merujuk kepada jumlah pada akhir tahun, kecuali tahun 1996 pada akhir bulan Julai.

dan gas, pertumbuhan pelaburan yang perlahan dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan termasuk projek-projek besar yang diswastakan. Sungguhpun demikian, keyakinan perniagaan secara keseluruhannya terus kukuh khususnya dalam sektor perkilangan sebagaimana yang dicerminkan oleh kenaikan 115.9% dalam permohonan modal pelaburan yang dikemukakan untuk kelulusan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), berjumlah RM27.2 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 (Januari-Julai 1995: RM12.6 bilion).

Namun begitu, petunjuk-petunjuk pelaburan utama menunjukkan prestasi yang bercampur-campur dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996. Import barangan modal berkurangan sebanyak 7.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama (Januari-Julai 1995: 44.2%), manakala import besi dan keluli sebanyak 0.3% (Januari-Julai 1995: 22.6%). Namun begitu, pengeluaran dan jualan bahan-bahan binaan terus kukuh, meningkat antara 12.5% hingga 70.9% selaras dengan kegiatan pembinaan yang terus kukuh.

Mengikut PJP, jumlah perbelanjaan modal bagi 220 syarikat yang dikaji dijangka merosot pada kadar 8.6% dalam tahun 1996, berbanding dengan peningkatan sebanyak 27.3% pada tahun 1995. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 6.3, sebanyak 71.9% daripada pelaburan modal dalam tahun 1996 (1995: 85%) adalah bagi maksud pembelian jentera dan kelengkapan-kelengkapan pengangkutan baru dan sebanyak 20.3% bagi pembelian bangunan-bangunan baru dan struktur-struktur lain (1995: 11.4%). Perbelanjaan pelaburan dijangka meningkat bagi sektor-sektor pertanian, perlombongan dan perkilangan, manakala jumlah pelaburan bagi sektor perkhidmatan dan pembinaan dijangka berkurangan.

Sebagaimana yang dilaporkan oleh PJP, perbelanjaan pelaburan bagi **sektor perkilangan** dijangka terus meningkat dengan sederhana pada kadar 9.3%, berbanding dengan 16.0% yang dicatatkan pada tahun 1995 (sila lihat Jadual 6.4). Prestasi pertumbuhan yang kukuh ini terutamanya disebabkan peningkatan pelaburan bagi loji-loji baru serta program pelbagaian dan pengembangan keupayaan pengeluaran yang sedia ada yang dilakukan oleh industri berorientasikan pasaran tempatan yang dijangka menambahkan perbelanjaan modal mereka sebanyak 29.3% dalam tahun 1996 (1995: -22.6%). Industri-industri

Jadual 6.4**Perbelanjaan Modal Bagi Sektor Perkilangan¹**

	Nilai (RM juta)		Perubahan Tahunan (%)	
	1995	1996 ²	1995	1996 ²
Industri Berorientasikan Pasaran Eksport	3,577	3,414	77.3	-4.6
Keluaran elektrik dan elektronik	2,473	2,087	37.8	-15.6
Tekstil dan pakaian	1,009	844	747.9	-16.3
Keluaran kayu, tidak termasuk perabot	28	294	-33.3	950.0
Keluaran getah	67	189	9.8	182.1
Industri Berorientasikan Pasaran Dalam Negeri	2,475	3,200	-22.6	29.3
Makanan, minuman dan tembakau	175	359	13.6	105.1
Keluaran kertas dan percetakan	25	11	-10.7	-56.0
Kimia dan Keluaran Kimia	856	1,264	-23.9	47.7
Penapisan petroleum	258	170	52.7	-34.1
Keluaran Plastik dan kaca	36	121	-47.8	236.1
Keluaran galian bukan logam	244	98	-56.8	-59.8
Besi dan keluli	444	79	909.1	-82.2
Keluaran logam yang direka	51	89	-52.8	74.5
Jentera, tidak termasuk jentera elektrik	178	293	21.9	64.6
Kelengkapan pengangkutan	208	716	-73.7	244.2
JUMLAH	6,052	6,614	16.0	9.3

¹ Berasaskan PJP² Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

berorientasikan pasaran eksport yang membuat pelaburan yang besar pada tahun 1995, dijangka mengurangkan perbelanjaan modal sebanyak 4.6% dalam tahun 1996 (1995: 77.3%). Peningkatan perbelanjaan modal keseluruhan sektor perkilangan dalam tahun 1996 mencerminkan pelaksanaan projek-projek besar yang telah diluluskan pada awal 1990an seperti Amoco Chemicals, Kedah Wafer Emas dan Hualon Corporation.

Semua industri berorientasikan pasaran eksport, yang diliputi oleh kajian PJP, dijangka menunjukkan prestasi yang bercampur-campur dari segi perbelanjaan modal. Pelaburan dalam industri berasaskan kayu dijangka meningkat dengan ketara pada kadar 950.0% selepas mencatatkan pertumbuhan negatif 33.3% pada tahun 1995. Ini terutamanya disebabkan oleh pertambahan kapasiti pengeluaran berikutan dengan peningkatan ketara permintaan luar negeri terhadap keluaran kayu khususnya, perabot kayu, papan lapis dan vener. Begitu juga, pelaburan dalam industri berasaskan getah dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 182.1% (1995: 9.8%) berikutan dengan jangkakan permintaan dalam dan luar negeri yang tinggi terhadap tayar dan keluaran berasaskan getah. Namun begitu, pelaburan dalam industri elektrik dan elektronik dijangka merosot pada kadar 15.6% dalam tahun 1996 (1995: 37.8%) disebabkan oleh sikap berhati-hati pihak industri berkenaan berikutan dengan permintaan dunia yang perlahan terhadap beberapa barangan elektronik dan keluaran alat pandang-dengar dalam tempoh separuh pertama tahun 1996. Memandangkan perbelanjaan pelaburan yang tinggi dalam teknologi pengeluaran baru dan terkini yang telah dilaksanakan oleh industri tekstil dan pakaian beberapa tahun yang lalu, perbelanjaan modal industri tersebut dijangka merosot sebanyak 16.7% dalam tahun 1996 (1995: 747%).

Bagi industri-industri berorientasikan pasaran dalam negeri, industri kelengkapan pengangkutan dijangka meningkatkan pelaburan modal sebanyak 244.2% dalam tahun 1996 (1995: -73.7%). Ini mencerminkan kegiatan-kegiatan pelaburan yang terus dilaksanakan oleh pemasang kenderaan bermotor, termasuk pemasangan motosikal dan skuter. Selaras dengan keperluan untuk mempertingkatkan keupayaan pengeluaran bagi memenuhi permintaan yang menggalakkan, industri makanan dijangka meningkatkan perbelanjaan modal sebanyak 105.1% dalam tahun 1996 selepas mencatatkan peningkatan 13.6% pada tahun 1995.

Begitu juga, pelaburan dalam industri kimia dijangka meningkat dengan pesat sebanyak 47.7% (1995: -23.9%) berikutan dengan pertambahan keupayaan pengeluaran, termasuk yang dilakukan oleh syarikat Easterner Chemical daripada Amerika Syarikat dan penubuhan dua lagi syarikat petrokimia utama berteknologi tinggi daripada United Kingdom dan Jerman di negeri Pahang yang melibatkan anggaran pelaburan melebihi RM1 bilion. Industri-industri lain yang dijangka mencatatkan pertumbuhan pelaburan yang kukuh termasuklah industri keluaran logam yang direka (74.5%) dan industri jentera (64.6%). Memandangkan jangkaan jumlah pelaburan oleh Perwaja yang rendah, pelaburan oleh industri besi dan keluli secara keseluruhannya dijangka merosot sebanyak 82.2% dalam tahun 1996 (1995: 909.1%). Dalam tahun 1996, perbelanjaan modal bagi industri keluaran galian bukan logam dan penapisan petroleum dijangka merosot masing-masing sebanyak 59.8% dan 34.1%.

Prospek pelaburan dalam sektor perkilangan dijangka terus kukuh berikutan dengan jumlah pelaburan yang besar diluluskan oleh MIDA dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 449 projek dengan cadangan pelaburan berjumlah RM17.9 bilion telah diluluskan. Ini merupakan peningkatan sebanyak 37.3% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1995 (-7.3%). Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM9.4 bilion atau 52.5% merupakan pelaburan asing dan sebanyak RM8.5 bilion atau 47.5% merupakan pelaburan tempatan, berbanding dengan sejumlah RM5.9 bilion (45.4%) pelaburan asing dan RM7.1 bilion (54.6%) pelaburan tempatan yang telah diluluskan dalam tempoh yang sama tahun 1995. Jumlah pelaburan yang tinggi diluluskan dalam tempoh tersebut mencerminkan tahap keyakinan perniagaan yang terus kukuh, bukan sahaja di kalangan pelabur-pelabur asing, tetapi juga pelabur-pelabur tempatan.

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 6.5, kelulusan pelaburan mengikut industri menunjukkan bahawa industri elektrik dan elektronik mempunyai bilangan projek tertinggi berjumlah 120 projek dengan cadangan pelaburan bernilai RM7.7 bilion. Ini diikuti oleh industri jentera dan kelengkapan pengangkutan dengan 61 projek bernilai RM1.2 bilion, keluaran logam asas dan logam yang direka dengan 55 projek bernilai RM1.4 bilion dan industri kayu, perabot dan kelengkapan dengan 47 projek bernilai RM0.6 bilion. Industri

yang mencatatkan pengurangan dalam jumlah pelaburan yang diluluskan termasuklah keluaran tekstil dan kulit (-69.6%), galian bukan logam (-62.9%), keluaran logam asas dan yang direka (-47.9%), makanan, minuman dan tembakau (-35.8%) dan kimia dan keluaran kimia (-35.9%). Dari segi negara asal pelaburan asing, Singapura muncul sebagai pelabur asing utama dengan jumlah cadangan pelaburan bernilai RM3.3 bilion (35.1%) dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, diikuti oleh Jepun bernilai RM1.9 bilion (20.2%), dan Amerika Syarikat bernilai RM0.9 bilion (9.6%). Sebagai perbandingan, dalam tempoh yang sama tahun 1995 Taiwan dan Jepun merupakan pelabur asing utama dengan nilai pelaburan berjumlah RM0.9 bilion masing-masing, dan diikuti oleh Singapura dengan nilai pelaburan RM0.7 bilion.

Mengikut PJP, perbelanjaan modal bagi **sektor pembinaan** dijangka merosot dengan ketara sebanyak 50.9% selepas mencatatkan pertumbuhan ketara sebanyak 72.7% pada tahun 1995 (sila lihat Jadual 6.6). Ini adalah selaras dengan jangkaan bahawa sungguhpun kegiatan pembinaan terus kukuh, permulaan kerja-kerja pembinaan tidak sepesat tahun 1995 disebabkan jangkaan permintaan yang lebih sederhana terhadap bangunan kediaman berharga tinggi berpunca daripada langkah-langkah yang diperkenalkan pada bulan Oktober 1995 untuk mengawal spekulasi aset dan pembelian hartanah oleh bukan pemastautin serta kadar faedah pinjaman semasa yang tinggi. Mencerminkan pengenaan levi RM100,000 ke atas setiap pembelian hartanah oleh kepentingan asing, nilai unit-unit kediaman yang dibeli oleh bukan pemastautin merosot sebanyak 52.2% dalam tujuh bulan pertama tahun 1996. Perbelanjaan modal bagi pelaksanaan projek-projek sektor awam dijangka tidak meningkat dengan ketara memandangkan projek-projek baru yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dijangka tidak akan dilaksanakan dalam tahun pertama Rancangan. Kebanyakan perbelanjaan pelaburan adalah ke atas pembinaan projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan, termasuk beberapa projek kejuruteraan mega seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sistem Keretapi Ringan dan Kuala Lumpur City Centre. Pelaksanaan projek-projek mega yang baru diluluskan seperti Empangan Hidroelektrik Bakun, pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan di Putrajaya dan Projek Kuala Lumpur Sentral masih di dalam peringkat awal pelaksanaan.

Jadual 6.5
Projek-Projek Yang Diluluskan Mengikut Industri
(Januari-Julai)

<i>Industri</i>	<i>Bilangan</i>		<i>Nilai (RM juta)</i>		<i>Sumbangan (%)</i>		<i>Perubahan Tahunan (%)</i>
	<i>1995</i>	<i>1996</i>	<i>1995</i>	<i>1996</i>	<i>1995</i>	<i>1996</i>	<i>1996</i>
Keluaran elektrik dan elektronik	112	120	1,163	7,716	8.9	43.2	563.4
Keluaran tekstil dan kulit	27	27	644	196	5.0	1.1	-69.6
Kayu, perabot dan kelengkapan	68	47	1,150	566	8.8	3.2	-50.8
Keluaran getah dan plastik	62	39	357	417	2.7	2.3	16.8
Makanan, minuman dan tembakau	19	19	293	188	2.3	1.0	-35.8
Petroleum dan arang batu	1	5	255	1,576	2.0	8.8	518.0
Kimia dan keluaran kimia	49	30	2,061	1,322	15.8	7.4	-35.9
Keluaran galian bukan logam	36	17	1,650	612	12.7	3.4	-62.9
Keluaran logam asas dan logam yang direka	46	55	2,698	1,407	20.7	7.9	-47.9
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	50	61	1,030	1,228	7.9	6.9	19.2
Pelbagai	27	29	1,713	2,640	13.2	14.8	54.1
JUMLAH	497	449	13,014	17,868	100.0	100	37.3

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)

Pelaburan swasta bagi keseluruhan **sektor perkhidmatan** dijangka merosot sebanyak 27.3% dalam tahun 1996 (1995: 40.8%). Ini terutamanya disebabkan oleh kejatuhan ketara pelaburan dalam sektor kecil pengangkutan (50.7%) yang mencerminkan pelaburan yang rendah oleh Sistem Penerbangan Malaysia. Pelaburan dalam sektor kecil hotel juga dijangka merosot sebanyak 28.3% memandangkan sedikit bilangan projek yang diluluskan bagi pembangunan hotel dan tempat penginapan oleh sektor swasta dalam tahun 1996. Namun begitu, sektor kecil perkhidmatan-perkhidmatan lain dijangka mencatatkan pertumbuhan pelaburan yang ketara, antara 26.2% hingga 109.9%. Pelaburan dalam sektor kecil perdagangan borong dan runcit dijangka meningkat dengan pesat sebanyak 93.9%, terutamanya bagi memperkembangkan rangkaian pasaraya dan gedung membeli-belah. Sektor kecil bank dan institusi-institusi kewangan lain dijangka meningkatkan perbelanjaan modal sebanyak 109.9% dalam tahun 1996 selepas merosot sebanyak 20.8% pada tahun 1995. Pelaburan ini meliputi peningkatan teknologi sistem perbankan dan penubuhan cawangan-cawangan baru bagi menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Sektor kecil insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka menambahkan pelaburan modal secara sederhana pada kadar 26.2% dalam tahun 1996 selepas mencatatkan peningkatan pelaburan modal sebanyak 223.1% pada tahun 1995.

Perbelanjaan pelaburan dalam **sektor perlombongan** (tidak termasuk petroleum dan gas) dijangka meningkat dengan ketara pada kadar 28.6% dalam tahun 1996, selepas merosot sebanyak 77.4% pada tahun 1995. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh pelaburan dalam industri kuari bagi memenuhi permintaan sektor pembinaan.

Sungguhpun pelaburan dalam sektor perladangan getah dijangka berkurangan (47.7%), jumlah perbelanjaan modal bagi **sektor pertanian** dijangka terus meningkat sebanyak 29.5% dalam tahun 1996 berbanding dengan peningkatan sebanyak 39.5% pada tahun 1995. Mengikut PJP, pelaburan dalam penanaman kelapa sawit dijangka meningkat dengan ketara sebanyak 49.0% dalam tahun 1996 (1995: 15.6%) memandangkan

Jadual 6.6
Perbelanjaan Modal Mengikut Sektor¹

Sektor	Nilai (RM juta)		Perubahan Tahunan (%)	
	1995	1996 ²	1995	1996 ²
Pertanian	325	421	39.5	29.5
Getah	38	20	137.5	-47.4
Kelapa Sawit	208	310	15.6	49.0
Pembalakan	79	91	113.5	15.2
Perlombongan ²	14	18	-77.4	28.6
Perkilangan	6,052	6,614	16.0	9.3
Pembinaan	114	56	72.7	-50.9
Perkhidmatan	6,220	4,523	40.8	-27.3
Perdagangan borong dan runcit	475	921	53.2	93.9
Hotel	46	33	24.3	-28.3
Bank dan institusi-institusi kewangan lain	433	909	-20.8	109.9
Insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	84	106	223.1	26.2
Pengangkutan	5,182	2,554	48.1	-50.7
JUMLAH	12,725	11,632	27.3	-8.6

¹ Berasaskan PJP.

² Tidak termasuk petroleum dan gas

³ Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pulangan pelaburan yang agak tinggi bagi kelapa sawit. Lebih separuh daripada jumlah pelaburan adalah dalam bentuk penanaman pokok-pokok kelapa sawit baru. Mengikut Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Kelapa Sawit (PORLA), jumlah keluasan baru dan tanaman semula kelapa sawit dijangka meningkat sebanyak 2.4% kepada 2,567,000 hektar pada akhir tahun 1996 daripada 2,507,000 hektar pada akhir tahun 1995. Namun begitu, pertumbuhan dalam pelaburan industri pembalakan dijangka berkurangan kepada 15.2% selepas mencatatkan peningkatan ketara sebanyak

113.5% pada tahun 1995. Sejumlah besar pelaburan adalah untuk program menanam semula hutan yang dijalankan oleh kedua-dua pihak industri pembalakan dan Kerajaan bagi menjamin penggunaan hutan yang lebih mampan.

Kedudukan Sumber Sektor Swasta

Dengan pendapatan sektor swasta yang dijangka meningkat sebanyak 17.7% kepada RM174.7 bilion pada tahun 1996 daripada RM148.5 bilion pada tahun 1995, jumlah tabungan sektor swasta dianggarkan meningkat kepada RM59.0 bilion dalam tahun 1996. Ini merupakan peningkatan sebanyak 34.7% berbanding dengan RM43.8 bilion atau peningkatan sebanyak 42.0% yang dicatatkan pada tahun 1995. Namun begitu, pembentukan modal swasta kasar (termasuk perubahan stok) juga dijangka terus kukuh dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 9.4% kepada RM73.3 bilion (1995: 42.7%, RM67.0 bilion). Memandangkan kadar pertumbuhan pelaburan yang lebih pesat daripada peningkatan kadar tabungan, kedudukan sumber sektor swasta dijangka terus mencatatkan defisit sebanyak RM14.3 bilion atau 6.1% daripada KNK dalam tahun 1996. Namun begitu, defisit ini adalah lebih rendah berbanding dengan defisit sebanyak RM23.2 bilion atau 11.1% daripada KNK yang dicatatkan pada tahun 1995, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 6.7.

Sumber Pembiayaan

Memandangkan tahap tabungan sektor swasta yang tinggi, dana dalaman termasuk dana yang diperolehi daripada pasaran modal dan dengan penyertaan ekuiti asing, dijangka terus menjadi sumber pembiayaan bagi pelaburan swasta dalam tahun 1996. Mengikut PJP, sebanyak 78% daripada perbelanjaan modal yang dirancang oleh 220 syarikat besar dalam tahun 1996 adalah dibiayai melalui dana dalaman (sila lihat Jadual 6.8). Sumber-sumber pembiayaan lain ialah pinjaman dari sumber-sumber dalam negeri dan luar negeri.

Pinjaman dalam negeri dijangka membiayai 12% daripada jumlah perbelanjaan modal yang dirancang bagi 220 syarikat terbesar yang diliputi oleh PJP. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam

Jadual 6.7 Kedudukan Sumber Sektor Swasta¹ (dalam harga semasa)				
Sektor	(RM juta)		Perubahan (%)	
	1995	1996 ^r	1995	1996 ^r
Pendapatan sektor swasta ¹	148,474	174,728	20.3	17.7
Tolak penggunaan swasta	104,695	115,741	13.1	10.6
Tabungan sektor swasta	43,779	58,987	42.0	34.7
(% daripada KNK)	(21.0)	(25.1)		
Pelaburan sektor swasta ²	66,961	73,280	42.7	9.4
(% daripada KNK)	(32.2)	(31.1)		
Jurang tabungan pelaburan swasta	-23,182	-14,293		
(% daripada KNK)	(-11.1)	(-6.1)		

¹ Selepas ditolak cukai langsung tetapi termasuk subsidi

² Termasuk perubahan stok

^r Ramalan

Jadual 6.9, jumlah pinjaman dan pendahuluan (tidak termasuk kredit penggunaan) yang disediakan oleh sistem perbankan kepada sektor swasta meningkat sebanyak 26.8% kepada RM251.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996, berbanding dengan 27.2% (RM198.2 bilion) dalam tempoh yang sama tahun 1995. Secara khusus, sejumlah RM52.3 bilion atau 20.8%

Jadual 6.8**Sumber Pembiayaan Sektor Swasta¹**
(% sumbangan)

	1995	1996 (Ramalan)
Dana dalaman	66	78
Pinjaman dalam negeri	16	12
Pinjaman luar negeri	18	10
JUMLAH (RM juta)	100 12,725	100 11,632

¹ Berasaskan PJP

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

daripada jumlah tersebut disediakan kepada sektor perkilangan, iaitu meningkat sebanyak 16.8% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1995. Sektor-sektor lain yang mendapat kredit yang tinggi dalam tempoh tersebut ialah sektor hartanah dan perumahan (RM47.7 bilion), kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (RM40.2 bilion), pembinaan (RM24.4 bilion) dan perdagangan am (RM23.2 bilion).

Mengikut PJP, hanya sebanyak 10% daripada pelaburan swasta yang dirancang pada tahun 1996 dijangka dibiayai melalui pinjaman luar negeri iaitu lebih rendah berbanding dengan 18% pada tahun 1995. Sungguhpun demikian, penyertaan ekuiti oleh pelabur-pelabur asing terus merupakan sumber utama pembiayaan pelaburan swasta. Aliran kemasukan modal asing ke negara dijangka terus meningkat dalam tahun 1996 dengan aliran masuk bersih pelaburan korporat asing dianggarkan bernilai RM10.8 bilion (1995: RM10.3 bilion). Arah aliran ini jelas dicerminkan oleh peningkatan sebanyak 58.8% dalam jumlah pelaburan asing yang diluluskan oleh MIDA dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1996 dengan nilai pelaburan berjumlah sebanyak RM9.4 bilion.

Jadual 6.9**Pinjaman dan Pendahuluan Sistem Perbankan¹**
(pada akhir bulan Julai)

Sektor	Nilai (RM juta)		Perubahan Tahunan (%)	
	1995	1996	1995	1996
Pertanian	4,924	5,841	1.7	18.6
Perlombongan dan kuari	1,119	1,485	29.2	32.7
Perkilangan	44,788	52,298	34.8	16.8
Pembinaan	18,012	24,437	22.7	35.7
Perkhidmatan	129,406	167,364	26.6	29.3
Perdagangan am, termasuk perniagaan borong dan runcit	19,424	23,157	23.1	19.2
Pengangkutan dan penyimpanan	2,936	3,834	11.9	30.6
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	26,358	40,232	40.1	52.6
Harta, termasuk hartanah dan perumahan	40,041	47,683	15.7	19.1
Lain-lain	40,647	52,458	14.3	29.1
JUMLAH	198,249	251,425	27.2	26.8

¹ Tidak termasuk kredit penggunaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 6.10
Dana yang Diperolehi Daripada
Pasaran Modal
(Januari-Ogos)

	(RM juta)		% sumbangan	
	1995	1996	1995	1996
Saham	5,919	9,427	91.0	67.9
Terbitan awam	428	619	6.6	4.4
Terbitan hak	3,345	3,954	51.4	28.5
Terbitan khusus	1,524	3,430	23.4	24.7
Tawaran jualan	622	1,424	9.6	10.3
Sekuriti Hutang	585	4,453	9.0	32.1
Bon konvensional ¹	70	3,335	1.1	24.0
Bon boleh-tukar ²	—	—	—	—
Nota berprinsipkan Islam	—	—	—	—
Lain-lain ³	515	1,118	7.9	8.1
JUMLAH	6,504	13,880	100.0	100.0
Saham dan Sekuriti Hutang mengikut sektor				
Pertanian	203	461	3.1	3.3
Perlombongan	—	533	—	3.8
Perkilangan	2,024	4,810	31.1	34.7
Pembinaan	1,018	2,668	15.7	19.2
Perkhidmatan	3,259	5,408	50.1	39.0
Perniagaan am	914	1,377	14.1	9.9
Kewangan dan insurans	2,071	1,261	31.8	9.1
Pengangkutan	15	903	0.2	6.5
Lain-lain	259	1,867	4.0	13.5
JUMLAH	6,504	13,880	100.0	100.0

¹ Termasuk bon boleh tebus, stok pinjaman tanpa cagaran dan bon jaminan Kerajaan. Angka ini termasuk nilai bon berwaran pada masa diterbitkan tetapi meliputi dana yang diperolehi ketika waran itu dikuatkuasakan.

² Termasuk stok pinjaman boleh tukar dan bon Eropah boleh tukar (tidak termasuk dana yang diperolehi ketika pertukaran bon).

³ Termasuk kemudahan-kemudahan pusingan, nota tanpa cagaran dan bon 'yankee'.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

Pasaran modal tempatan merupakan satu lagi sumber pembiayaan kepada sektor swasta. Bagi memenuhi keperluan pembiayaan sektor korporat, sejumlah RM13.9 bilion dana telah diperolehi melalui pasaran modal dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, iaitu meningkat sebanyak 113.4% berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1995 (RM6.5 bilion). Dalam tempoh tersebut, Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan sejumlah RM9.4 bilion dana untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, di mana sebanyak RM0.6 bilion (4.4%) diperolehi melalui terbitan awam yang baru, RM4.0 bilion (28.5%) melalui terbitan hak, RM3.4 bilion (24.7%) melalui terbitan khas dan sebanyak RM1.4 bilion (10.3%) melalui tawaran jualan terhad. Sejumlah 54 syarikat telah disenaraikan di kedua-dua Papan Utama dan Papan Kedua BSKL dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996 (Januari-Ogos 1995: 32 syarikat). Di samping itu, sejumlah RM4.5 bilion sekuriti hutang swasta telah diperolehi dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1996, sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 6.10. Dari segi sektor, sektor perkhidmatan termasuk kewangan terus menjadi sektor terbesar yang memperolehi sumber dana melalui pasaran modal merangkumi 39.0%, diikuti oleh sektor perkilangan (34.7%) dan sektor pembinaan (19.2%).

Penutup

Prestasi sektor swasta dijangka terus kukuh dalam tahun 1996 selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Dengan pertumbuhan pendapatan yang melebihi perbelanjaan penggunaan, kadar tabungan negara dijangka terus meningkat. Ini akan membolehkan dana dalaman membiayai sebahagian besar pelaburan sektor swasta dalam tahun 1996. Keyakinan perniagaan terus kukuh dan pelaburan swasta dijangka terus mencatatkan pertumbuhan positif, walaupun pada kadar yang lebih sederhana. Dalam tahun 1996, kedudukan sumber sektor swasta dijangka bertambah kukuh berikutan dengan peningkatan tabungan dan pertumbuhan pelaburan yang lebih sederhana.